

# UMS hantar 17 pegawai Persidangan Kebangsaan Pengurusan Kepimpinan

NST 04.01.2012 4

LABUAN: Seramai 17 pegawai dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) menghadiri Persidangan Kebangsaan Pengurusan Kepimpinan Kedua yang diadakan di Melaka baru-baru ini.

Delegasi UMS itu diketuai oleh Ketua Timbalan Pendaftar, No'man Datuk Ahmad yang juga Presiden Persatuan Pengurusan dan Profesional UMS dan Presiden Kesatuan Kakitangan Am UMS (KEKAUMAS), Amat Jutrah Musnih.

Turut menyertai persidangan tiga hari itu ialah Timbalan Pendaftar, Nortir Sirin, Penolong Pendaftar Kanan, Samsudin Nuridin, tiga Penolong Pendaftar, Victor Gondipon, Alvin Azril Mahat dan Molly Donna Awang Sham, Jurutera, Alexander Anak Ngindang dan Setiausaha Pejabat, Salmiah Tertib.

Selain itu, Penolong Pengurus Asrama, Mokrin Basrin, Pembantu Tadbir Kanan, Arnah Sanudin, Pembantu Perpustakaan Kanan, Dg Zainab Ag Mahmud, Pembantu Tadbir, Abdul Jalil Sapli, Penyelia Asrama, Jalani Moxsin, Pengawal Keselamatan, Sudin Marjan serta dua kakitangan UMS-KAL, Pembantu Perpustakaan Kanan, Ahmad Zainuddin Ag Besar dan Ahli Fotografi Kanan, Azri Onn Othman.

Persidangan yang bertemakan 'Kepimpinan Kreatif dan Inovatif Mentransformasikan Pengajian Tinggi' itu dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam.

Turut hadir Presiden Cuepacs, Datuk Omar



Osman yang juga Pengerusi Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti / IPTA Malaysia (GAKUM) serta Pengerusi Persidangan, Mohd Zailani Abd Razak.

Persidangan itu dianjurkan bersama oleh Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), Kementerian Pengajian Tinggi dan

Gakum.

Omar berkata tema persidangan itu sangat relevan pada masa kini selaras dengan hasrat dan visi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bagi melahirkan kepimpinan yang membawa pendekatan baru untuk melahirkan sebuah generasi yang mengutamakan prestasi berpaksikan keutamaan awam.

Katanya, tema itu dicadangkan agar ia meliputi keseluruhan proses dalam menghasilkan kepimpinan yang merangkumi cara pelaksanaan, pembentukan amalan transformasi, ciri-ciri dan kesan dalam profesion bagi menjamin generasi gemilang di peringkat IPTA. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)**

WAKIL UMS...No'man (tiga kanan) dan Amat Jutrah (empat kiri) bersama pegawai UMS yang menghadiri Persidangan Kebangsaan Pengurusan Kepimpinan yang diadakan di Melaka baru-baru ini.